



سوروهنجاي فرخدمتن عوام نكري
فيراك دار الرضوان

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI
PERAK DARUL RIDZUAN
E-5-2, E-6-2, MENARA SSI
SOHO 2, JALAN SULTAN IDRIS SHAH
30000 IPOH, PERAK

Tel : 05 - 254 0615
Faks : 05 - 242 2239
Web : spa.perak.gov.my
E-mel : spa@perak.gov.my

Ruj. Kami : SPA.PK.100-1/5/1 (1)
Tarikh : 14 Ramadan 1445
25 Mac 2024

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

YB Dato'/ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan,

TATACARA PERMOHONAN-PERMOHONAN URUSAN PELANTIKAN DAN PERKHIDMATAN

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas

2. Untuk makluman YB Dato'/ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan, Suruhanjaya melalui Mesyuarat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Perak Bil.05/2024 bertarikh 20.03.2024 telah memutuskan:

2.1 mana-mana **Permohonan Pelantikan Semula Pegawai secara Kontrak yang diterima telah melebihi tarikh kontrak terakhir pegawai**, Suruhanjaya boleh untuk tidak meneruskan pelantikan secara kontrak pegawai tertakluk ke atas budi bicara Suruhanjaya.

3. Sehubungan itu, sila pihak YB Dato'/ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan memastikan Permohonan Pelantikan Semula Pegawai secara Kontrak dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia, Perenggan 35 Lampiran UP.1.1.1 Dasar dan Prosedur Pelantikan secara Kontrak serta seperti yang dinyatakan dalam surat tawaran pelantikan pegawai semasa pelantikan kali pertama.

4. Pejabat ini juga ingin memaklumkan bagi urusan **Permohonan Pelantikan Pegawai dari Status Kontrak ke Pelantikan Tetap**, perkara-perkara berikut perlu diambil perhatian:

- (i) Memastikan pegawai telah dinilai melalui Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) penuh bagi **dua tahun penilaian** dan markah LNPT tersebut **telah diperakukan oleh Panel Pengurusan Sumber Manusia** yang berkenaan;
- (ii) Pegawai yang dilantik dalam bulan Januari (01 Januari hingga 31 Januari), LNPT bagi tahun tersebut dianggap penilaian penuh untuk satu tahun; dan
- (iii) Memastikan pegawai yang hendak diperakukan ke jawatan tetap **telah menerima Pergerakan Gaji Tahunan (PGT) bagi tahun semasa** untuk mengelakkan pegawai kerugian satu PGT apabila dilantik tetap.

SPA.PK. 100-1/5/1 ()


5. Sehubungan itu, Pejabat ini memohon kerjasama YB Dato'/ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan agar memastikan permohonan-permohonan pegawai di bawah pentadbiran YB Dato'/ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan dibuat dengan lengkap, teratur dan dalam tempoh yang telah ditetapkan. Sekiranya berlaku kelewatan dalam mengemukakan permohonan yang berkenaan, YB Dato'/ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan dimohon untuk memberi justifikasi atas kelewatan tersebut bersama-sama permohonan yang dikemukakan.

Perhatian dan kerjasama YB Dato'/ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(SITI SURAYA BINTI MUHAMAD TAIB)
Setiausaha
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri
Perak Darul Ridzuan
psu/pelantikan/2024

Salinan kepada:

1. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak
Aras 1, Bangunan Perak Darul Ridzuan
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30000 IPOH
2. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan)
Aras 2, Bangunan Perak Darul Ridzuan
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30000 IPOH